THE RATE OF THE PARTY OF THE PA

Kerana itu, perhatikanlah dengan saksama, bagaimana kamu hidup, janganlah seperti orang bebal, tetapi seperti orang arif dan pergunakanlah waktu yang ada, kerana hari-hari ini adalah jahat. Sebab itu janganlah kamu bodoh, tetapi usahakanlah supaya kamu mengerti kehendak Tuhan. Dan janganlah kamu mabuk oleh anggur kerana anggur menimbulkan hawa nafsu, tetapi hendaklah kamu penuh dengan Roh.

Efesus 5: 15-18

Ogos 18, 2024

www.heraldmalaysia.com

Vatikan umum tema Hari <u>Keamanan Sedunia 2025</u>

VATIKAN: "Ampunkan kami atas kesalahan kami: berikanlah kami damai-Mu" adalah tema yang dipilih oleh Sri Paus Fransiskus sempena "Hari Keamanan Sedunia" ke-58 yang akan datang, yang dirayakan setiap Januari 1, 2025.

Dikasteri Vatikan untuk Promosi Pembangunan Manusia menjelaskan bahawa tema itu, "menunjukkan hubungan erat dengan Kitab Suci dan Tahun Jubli 2025 serta diinspirasikan dari ensiklik *Laudato Si*" dan *Fratelli Tutti*, khususnya tentang harapan dan pengampunan, yang merupakan fokus utama Tahun Jubli 2025."

Menurut pejabat Vatikan, tema itu adalah "seruan pertaubatan, bukan kutukan se-

baliknya tetapi ke arah mendamaikan dan didamaikan."

Dikasteri itu menambah bahawa dengan "mempertimbangkan realiti konflik dan dosa sosial yang menimpa umat manusia hari ini dan berdasarkan harapan yang dipromosikan dalam tradisi jubli pengampunan dosa ... ia dapat membawa banyak dimensi konkrit untuk perkembangan rohani, sosial, perubahan ekonomi, ekologi dan budaya yang sangat diperlukan."

Pada tahun-tahun sebelumnya, tema yang dipilih oleh Sri Paus Fransiskus telah memfokuskan pada kecerdasan buatan (AI), dialog antara generasi, budaya penjagaan dan politik yang baik. — *CNA*



Lima perwakilan agama besar dunia bertemu di Katedral Paris

ARIS: Setiap kali berlangsungnya sukan Olimpik, mesti ada timbul macammacam kontroversi. Tetapi, Olimpik di Paris pada tahun ni, tak henti-henti pula kontroversi yang berlaku dari upacara pembukaan sehinggalah sekarang.

Namun, apa yang baiknya ialah pada Ogos 4 lalu, di hadapan Katedral *Notre Dame*, lima perwakilan agama besar di dunia yang terlibat dalam Sukan Olimpik Paris, telah mengadakan pertemuan.

Perwakilan agama Kristian, Yahudi, Islam, Buddha dan Hindu bertemu bagi berkongsi pengalaman mereka di pusat pelbagai agama di perkampungan olimpik dan membincangkan kaitan sukan yang dapat meneguhkan solidariti dan iman.

Acara itu menyusul selepas beberapa adegan pada persembahan majlis perasmian Olimpik pada Julai 26 lalu yang menghina agama dan berunsurkan LGBT.

Pertemuan pemimpin agama ini sudah berlaku di *Notre Dame* sejak seratus tahun sebelumnya iaitu pada tahun 1924, semasa Sukan Olimpik Paris, atas inisiatif Pierre de Coubertin, yang telah melancarkan semula Sukan Olimpik era moden pada tahun 1894



Thomas Bach, presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa, dan Tony Estanguet, presiden Jawatankuasa Penganjur Paris 2024 untuk Sukan Olimpik dan Paralimpik, disambut oleh Uskup Agung Paris, Laurent Ulrich dan Uskup Auxiliary Perancis Philippe Marsset, yang diwakilkan oleh keuskupan agung untuk memantau Sukan Olimpik dan inisiatif 'Sukan Suci' (*Holy Games initiative*).

Uskup Emmanuel Gobilliard dari Digne, wakil khas Takhta Suci untuk Sukan Olimpik turut hadir bersama datuk bandar Paris, Anne Hidalgo, dan Ketua Rabbi Perancis, Haïm Korsia.

Pertemuan antara iman itu membawa tema, "Bagaimana sukan menggerakkan kualiti terbaik dalam manusia dan kemanusiaan."

"Iman dan sukan berkongsi banyak nilai yang sama yang membimbing kita untuk hidup bersama dengan aman," kata Thomas Bach dalam ucapannya.

"Sukan Olimpik adalah pertama dan terpenting mengenai kesukanan. Tetapi ia lebih sekadar olahraga. Ia adalah mengenai: Kebersamaan. Harapan. Perpaduan. Keamanan."

"Nanum," kata Thomas Bach, "sukan tidak dapat menjawab pertanyaan-pertanyaan utama tentang makna keberadaan kita. Hanya iman yang dapat memberikan jawaban terhadap pertanyaan-pertanyaan tentang kehidupan, kematian, dan ketuhanan. Hanya iman yang dapat membimbing kita dalam menerima transendensi Ilahi," kata Thomas Bach, yang turut menyertai Misa di Gereja *La Madeleine* sempena pelancaran gencatan senjata Olimpik pada Julai 19 lalu.

Pada penghujung pertemuan, para perwakilan antara iman bergambar di hadapan Katedral Notre Dame, dengan tangan saling bergandingan sebagai tanda keamanan dan persahabatan. — *ucanews*

Siapa pempengaruh perilaku anda?

Dalam puisinya *The Leaf and the Cloud,* Mary Oliver menerangkan perasaannya semasa dia berdiri di tepi kubur bapa dan ibunya. Dia merenung bagaimana kebaikan dan kesalahan mereka mempengaruhi hidupnya. Dia kemudiannya, mengakhiri renungan dengan kata-kata ini:

Saya memberi mereka – satu, dua, tiga,
empat – ciuman hormat,
terima kasih yang manis.
Semoga mereka tidur lena.
Semoga mereka tenang.
Tetapi saya tidak akan memberi mereka
ciuman perjanjian.
Saya tidak akan meminta mereka
bertanggungjawab untuk hidup saya lagi.

Apakah yang membentuk jiwa kita? Apa misterinya? Berapa tinggi kadar genetik yang mempengaruhi sikap kita? Sejauh mana pengaruhnya terhadap orang lain? Sejauh mana tanggungjawab kita sendiri? Sebagai contoh, apabila saya memikirkan apa yang membantu membentuk jiwa saya sendiri, ternyata ibu bapa saya mempunyai pengaruh yang besar.

Ibu telah membentuk sebahagian daripada peribadi saya. Ibu saya seorang yang sensitif, seseorang yang kadangkala tidak dapat menolak atau berkata "tidak" apabila pertolongannya diminta.

Oleh sebab itu, dia sering sibuk dan letih. Jika dia masih hidup hari ini, pasti ada yang mengatakan bahawa dia telah menggunakan tenaga yang berlebihan lebih-lebih lagi mempunyai enam belas anak. Tetapi para pengkritiknya boleh berdiam diri kerana ibu saya memang seorang yang pemurah, selalu memberikan sesuatu.

Semasa kecil, saya kadang-kadang marah kepadanya kerana itu. Saya tidak mahu ibu yang terlalu peramah dan pemurah. Saya mahukan lebih perhatian daripadanya.

Tetapi apa yang ibu saya mahukan ialah keharmonian dalam keluarga. Saya masih ingat

dia menangis pada suatu pagi Sabtu ketika dia membersihkan rumah.

Dia sedaya upaya menjaga keamanan dan ketenteraman keluarga kami tetapi pada hari itu, keluarga kami telah ditimpa kekacauan dan pertengkaran. Dia mengatakan betapa dia kecewa kerana keluarga kami tidak seperti Keluarga Kudus.

Kami bukan Keluarga Kudus dan ini mengecewakan ibu tetapi dia menyedari akan kelemahan kami sebagai manusia biasa.

Dari luarannya, ibu seorang yang gembira yang tidak dibuat-buat, dia lebih bersemangat daripada bapa saya.

Ibu menerima dan menghadapi rutin harian dengan tenang, ketawa yang lebih spontan dan kami sebagai anak-anaknya yang masih kecil, lebih suka menjangkaunya.

Ibu kelihatan seperti kurang berfikir berbanding bapa. Tetapi ini sangkaan polos kami. Dia menyimpan diari yang mencatatkan hidupnya. Catatan diari itu membuktikan fikirannya yang mendalam, tidak seperti apa yang kami sangka selama ini.

Keinginannya yang paling dalam adalah untuk mendirikan Keluarga Kudus.

Dalam hal ini, ibu sangat bertuah kerana dia bertemu dengan bapa saya. Sepanjang hidup mereka sebagai suami isteri sehingga hari mereka meninggal dunia, mereka adalah pasangan serasi dan sejiwa.

Mereka berdua tidak perlu memberitahu rahsia atau berkongsi kekecewaannya. Mereka memahami satu sama lain tanpa perlu berkata panjang lebar atau menjelaskan apa-apa.

Dalam tahun-tahun saya membesar, saya tidak pernah melihat mereka berselisih faham atau marah antara satu sama lain.

Bapa saya meninggal dunia akibat kanser dan ibu, yang tabah menjaga bapa sehingga bapa meninggal dunia, telah menghembuskan nafas terakhir tiga bulan kemudian, akibat pankreatitis dan kesunyian yang tidak dapat diubati oleh sesiapa pun. Jika ada orang yang mengatakan ibu terlalu bergantung pada bapa saya, pasti dia akan ketawa dan memberitahu orang itu bahawa dia telah mendapat apa yang dia mahu dari hidup.

Dia mati kerana merindui bapa saya, sebuah kematian yang gembira, sebuah kematian yang sangat dicemburui.

Saya sebagai anaknya, apabila saya merenung kembali, saya boleh melihat pempengaruh hebat jiwa saya, ia bukan lagi misteri dan ia mempengaruhi perjuangan saya, kesalahan saya, kerinduan dan kekuatan saya. Saya juga faham dari mana punca keletihan saya!

Dan sebahagian daripada diri saya adalah pengaruh daripada bapa saya. Misalnya bapa saya selalu kekok menari tetapi dia seorang yang sangat penyayang. Menari terlalu umum untuknya kerana dia seorang yang tertutup misalnya lebih suka meluahkan rasa sayang bukan di hadapan umum.

Dia menyayangi ibu saya, keluarganya dan ramai orang, tetapi tidak menyuarakannya di khalayak ramai. Sikap pendiamnya menjadikannya seperti orang yang dingin tetapi anda perlu membaca tindakan dan matanya.

Dari tindakan dan tatapan matanya, ia memberitahu sesuatu yang berbeza. Dia tidak menyukai semua jenis eksibisionisme, tidak menyukai acara-acara yang panjang dan membenci apa-apa bentuk pameran awam yang murahan.

Dia juga tidak suka berlebihan dalam apa jua perkara. Dia lebih selesa bersederhana dan pandai mengawal diri. Keluarga kami suka menyindirnya bahawa kesederhanaan adalah satu-satunya kelebihannya.

Bapa saya seorang yang berprinsip moral yang tidak berkompromi dalam hal pendidikan saya. Dia sering mengeluh atas semua yang tidak betul di dunia dan pelbagai ujian.

Saya takut menatap matanya pada masamasa saya mengecewakan dia. Saya juga takut sehinggalah sekarang — mengecewakan dia. Bapa adalah salah seorang daripada orang yang paling bermoral yang pernah saya temui dan dia mempunyai deria keenam yang hampir sempurna. Dia tahu mana yang salah atau betul untuk saya. Dia selalu membetulkan saya meskipun saya selalunya membantah.

Andai saya berakhir di neraka, saya tidak boleh mengaku tidak tahu apa-apa kerana bapa telah melengkapkan saya, dari segi iman dan moral, untuk kehidupan. Tetapi saya juga mewarisi kelemahannya ditambah dengan kesalahan saya sendiri.

Sebilangan besar kekuatan dan kelemahan kita, berakar umbi dalam pendidikan dan cara kita dibesarkan, tetapi kitalah yang bertanggungjawab untuk kehidupan kita sendiri. — Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser

Ekaristi bermula dari Kristus sendiri

Beberapa minggu ini, kita diajak mendengarkan Injil menurut Yohanes Bab 6, yang berturut-turut berbicara tentang roti yang diperlukan manusia untuk meneruskan kehidupan.

Yesus dalam Injil pada hari minggu ini, menegaskan bahawa Dia bukan hanya dapat mengadakan mukjizat roti biasa untuk lima ribu orang, tetapi Dia juga memberikan tubuh dan darah-Nya sendiri sebagai makanan luarbiasa, yang dapat memperkuat mereka dalam perjalanan di dunia ini menuju hidup kekal.

Meskipun dengan cara dan gambaran yang berbeza, setiap agama selalu terungkap kerinduan manusia untuk bersatu dengan Tuhan.

Kita sendiri berasa lebih tenang, aman, pasti, apabila berasa bersatu dengan Tuhan.

Tetapi selalunya, dalam perjalanan hidup kita, kita merasakan Tuhan begitu jauh, hidup rohani kita terasa kering, hampa dan penuh susah.

Inilah yang dialami oleh umat Israel dalam Perjanjian Lama, bangsa terpilih Tuhan, semasa dalam perjalanan melalui padang pasir.

Mereka merasa lapar dan haus lalu Tuhan memenuhi keperluan mereka dengan mem-

berikan "manna" roti untuk memperkuat perjalanan mereka.

Dalam Perjanjian Baru, seperti digambarkan oleh Yohanes dalam Injilnya, lima ribu orang sudah ditolong oleh Yesus dengan memberikan mereka makanan bagi memenuhi keperluan perjalanan mereka yang mengikuti Yesus.

Pada waktu yang sama, Yesus mahu menunjukkan kepada mereka, bahawa bukan hanya makanan dan minuman biasa yang mereka perlukan, melainkan juga makanan dan minuman khusus sebagai sumber hidup yang tak akan pernah kering.

Untuk memenuhi kehausan dan kelaparan abadi yang ada dalam diri manusia, Yesus menampilkan diri sebagai "roti dari syurga". Dia diutus Bapa untuk tinggal di antara kita dalam hidup sekarang ini, bukan hanya untuk memberi kekuatan jasmani tetapi juga makanan untuk memperoleh sumber hidup yang tidak akan pernah kering.

Oleh sebab itu, Yesus mewujudkan Ekaristi pada malam perjamuan terakhir-Nya. Sakramen Ekaristi adalah intisari penghayatan iman kita yang sebenarnya.

Ekaristi adalah lambang kenyataan diri Yesus sebagai sumber hidup sejati kita. Yesus mengundang kita dalam perayaan Ekaristi untuk menerima diri-Nya sendiri sebagai tubuh dan darah-Nya.

Ini bermakna kita sesungguhnya menerima peribadi-Nya, yang pernah hidup di dunia ini dengan tubuh dan darah manusiawi seperti kita.

Dia memberikan diri-Nya, mencurahkan darah-Nya demi keselamatan kita. Yesus hadir di tengah-tengah kita dalam perjamuan Ekaristi, sebagai sumber hidup kita yang tak akan kering.

Dalam Misa Kudus melalui perantaraan paderi, Yesus sendirilah yang hadir untuk mempersembah korban kepada Tuhan sekaligus korban yang dipersembahkan kepada Tuhan untuk dibahagikan kepada umat-Nya iaitu diri-Nya sendiri: tubuh dan darah-Nya.

Kristus yang satu dan utuh itu diberikan kepada kita semua. Kita yang banyak disatukan, menjadi satu dengan Kristus dan dengan kita semua.

Apa akibat penerimaan Ekaristi terhadap diri kita?

Bila kita sungguh percaya bahawa menerima Ekaristi bererti menerima peribadi Yesus sendiri, maka kita juga bersatu, menjadi satu dengan Dia.

HARI MINGGU BIASA KE-20 TAHUN B

AMSAL 9:1-6 EFESUS 5:15-20 INJIL YOHANES 6:51-58

Yesus sungguh menjadi sumber hidup kita. Ertinya: hidup kita harus merupakan hidup Yesus Kristus sendiri.

Segenap sikap, hidup, kata dan perbuatan kita harus diusahakan sebagai ungkapan atau perwujudan sikap, hidup, kata dan perbuatan Yesus sendiri. Bersatu dengan Kristus bererti bersatu dengan sesama kita.

Betapa mendalam dan tak terperikan makna penerimaan Ekaristi bagi kita, yang harus menempuh perjalanan hidup serta dibekalkan dengan makanan dan minuman rohani yang tak kunjung habis!

Bukan hanya memperkuat diri kita sendiri, tetapi sekaligus saling membantu dengan sesama kita.

Bukankah permusuhan antara kita, khususnya dengan mereka yang sama-sama menerima Kristus yang sama, sangat bertentangan dengan kasih Kristus sendiri? — Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm, imanKatolik

Pemberkatan Shrine Padre

Pio di St Patrick, Kinuta

PAPAR: Paderi paroki Holy Rosari Limbahau, Msgr Nicholas Stephen telah memberkati Shrine Sto Pio yang terletak di perkarangan Gereja St Patrick, Kinuta

Pemberkatan itu dilakukan selepas Misa Kudus pada Ogos 4. Menurut Msgr Nicholas, Shrine Sto Pio adalah tanda

Shrine Sto Pio adalah tanda pengharapan kepada Tuhan dan jemputan untuk datang kepada Tuhan.

Padre Pio (Mei 25, 1887 – September 23, 1968), adalah seorang paderi dan mistik dari Ordo Saudara Dina Kapusin. Menurut sejarah, Padre Pio merupakan orang kudus besar abad ke-20 yang menerima karunia-karunia ilahi seperti stigmata selama 50 tahun (mengalami lima luka Yesus, dari luka-luka tersebut mengeluarkan bau harum yang mengkagumkan).

Keseluruhan hidup Padre Pio menggenapi apa yang ditulis Rasul Paulus, "... Aku bersukacita bahawa aku boleh menderita kerana kamu dan menggenapkan dalam dagingku apa yang kurang pada penderitaan Kristus, untuk tubuh-Nya, iaitu jemaat" (Kol

Msgr Nicholas menyeru umat Katolik agar datang menziarahi Shrine Sto Padre Pio dan merasai sendiri bagaimana melalui doa Sto Pio, dapat mendekatkan kita dengan Tuhan. Apa yang dituntut oleh Tuhan ialah agar kita percaya

Sto Pio percaya akan Ekaristi dan Pengakuan adalah satu kesempatan untuk mendekatkan diri dengan Tuhan, mendapat kesembuhan dan keselamatan.

Gereja St Patrick Kinuta yang mempunyai sejarah lebih 100 tahun ini merupakan di bawah jagaan paroki Holy Rosary Limbahau



Kunjungan seminarian dari Singapura ke St Ann, kota


KOTA PADAWAN, Kuching: Kehadiran 30 orang seminarian dan tiga paderi dari Chanseri Katolik Romawi Keuskupan Agung Singapura baru-baru ini ke Gereja St Ann disambut hangat dengan alunan muzik Bidayuh oleh komuniti

Padawan Kuching

Setibanya di Gereja St Ann, para seminarian dan para paderi dari Singapura itu diberi taklimat singkat sejarah Gereja St Ann.

Kemudian paderi paroki St Ann, Fr Don Don Romero Ramerez OFM dan Pengerusi Majlis Pastoral Paroki St Ann, Judas Anak Ligon berkongsi pertumbuhan iman yang pesat di paroki itu dalam beberapa tahun ini.

Iman dan derma oleh komuniti paroki memainkan peranan penting dalam pengembangan dan pengayaan kemudahan serta melancarkan pelbagai program Gereja. Sebaik



Makan tengah hari menyediakan suasana yang sempurna untuk para seminarian untuk berinteraksi dengan umat paroki bagi memupuk semangat kemasyarakatan.

Selepas makan tengah hari, para seminarian

dan umat mengambil bahagian dalam sesi tarian yang menghiburkan.

Kumpulan tarian Bidayuh mendahului, mengajar para seminarian beberapa langkah asas tarian tradisional mereka.

Suasana dipenuhi dengan gelak ketawa dan kegembiraan apabila semua orang turut serta, tanpa mengira kemahiran menari mereka. Para

seminarian menyatakan rasa terima kasih mereka atas layanan mesra dan pengalaman budaya semasa lawatan mereka ke St Ann. Mereka menyatakan bahawa kunjungan mereka ke Gereja St Ann adalah hari yang dipenuhi dengan makanan yang lazat, tarian yang meriah dan hubungan yang tulus. — sumber Today's Catholic

Makna garam dalam Kitab Suci

Tanya Jawab

Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD 5, Jalan Robertson, 50150 Kuala Lumpur Tel: 03-2026 8291

E-Mel: liza@herald.com.my

Dalam Alkitab, garam memiliki peranan yang menarik dalam praktik agama dan digunakan bagi menggambarkan sesuatu.

Dalam budaya kuno, termasuk bagi budaya orang Ibrani, garam adalah lebih daripada sekadar perasa.

Peranannya sangat luas dan pelbagai. Ia digunakan sebagai perasa, pengawet, pembasmi kuman dan sebagai komponen upacara keagamaan serta korban.

Dalam Imamat 2:13 dan Yehezkiel 43:24 menunjukkan dengan jelas bahawa garam merupakan bahan korban penting dalam agama orang Ibrani kuno. "Dan tiap-tiap persembahanmu yang berupa korban sajian haruslah kau bubuhi garam, janganlah kau lalaikan garam perjanjian Tuhanmu dari korban sajianmu; beserta segala persembahanmu haruslah kau persembahkan garam." (Imamat 2:13).

Juga, garam harus ditaburkan di atas korban bakaran (Yehezkiel 43:24), dan juga menjadi sebahagian dupa yang dipersembahkan di Bait Tuhan (Keluaran 30:35). Bahkan seorang bayi yang baru lahir diurapi dengan garam (Yehezkiel 16:4).

Selain digunakan dalam ritual, garam juga membawa simbolik dalam budaya Israel kuno. Kitab Bilangan dan 2 Tawarikh menggambarkan garam sebagai simbol persahabatan dan perjanjian (disebut juga perjanjian garam bdk. Bilangan 18:19 dan 2 Tawarikh 13:5).

Berkongsi garam atau makan garam bersama pada zaman dahulu (dan juga sehingga sekarang) adalah tanda persahabatan di beberapa wilayah di Mediterania.

Simbolisme ini menekankan idea bahawa garam dianggap lebih daripada sesuatu yang disimpan di dapur: ia adalah penanda hubungan dan kesetiaan.

Dalam Perjanjian Baru, Yesus menggunakan garam sebagai metafora untuk mengajar muridmuridnya pelajaran penting.

Dalam Matius 5:13, Yesus merujuk kepada pengikut-Nya sebagai "garam bumi," menunjukkan bahawa mereka adalah penting untuk pemeliharaan moral dan rohani dunia.

Namun, Dia juga mengeluarkan amaran keras: "Apabila garam hilang rasa, ia menjadi tidak bernilai, hanya sesuai untuk dibuang." Nasihat ini menekankan kepentingan mengekalkan integriti dan tujuan seseorang.

Dalam Markus 9:50, Yesus menasihati muridmuridnya untuk "memiliki garam di antara kamu dan berdamai dengan satu sama lain."

Di sini, garam membayangkan keupayaan untuk memelihara, memurnikan, dan meningkatkan hubungan.

Sama seperti garam yang melambatkan pembusukan pada makanan dan mengekalkan kesegaran makanan, Yesus mengundang para murid-Nya agar seperti garam, memelihara niat baik yang akan "menyedapkan" hubungan positif antara manusia dan "mencegah" komuniti menjadi rosak serta memupuk hubungan harmoni dalam komuniti mereka. Oleh sebab itu, garam berfungsi sebagai metafora yang kuat untuk menggambarkan persahabatan dan komuniti dalam Alkitab.

Gambaran garam digunakan untuk menekankan pemeliharaan muhibah dan peranan penting yang dimainkan melalui hubungan yang sihat bagi mengekalkan integriti dan kekuatan komuniti.

Dengan menggunakan sifat-sifat kebaikan garam, umat beriman dipanggil untuk mengekalkan keamanan dan memupuk hubungan positif antara satu sama lain, mencerminkan kebenaran rohani yang lebih dalam. —



Peranan garam sangat pelbagai dan turut digunakan dalam Kitab Suci.

Schebau Recal Mesus

Sesiapa makan roti ini, dia akan hidup



Tulis semula sabda Yesus ini dengan mengikut urutan nombor.

4.demikian juga

13. dan mereka telah mati

2. yang hidup mengutus Aku

9. dari syurga

6.akan hidup oleh Aku

7. Inilah roti

8. yang telah turun

12. nenek moyangmu

1. Sama seperti Bapa

10. bukan roti

14. Sesiapa makan roti ini

5. sesiapa yang memakan Aku

11. seperti yang di makan

15. dia akan hidup selama-lamanya

3. dan Aku hidup oleh Bapa

(Yoh 6: 57-58)

Bernyanyi dan <u>berraksolah</u> bagi Tuhan dengan <u>espange</u> hati. <u>cUpa</u>lah syukur <u>satiasen</u> atas segala <u>tusuase</u> dalam nama <u>uTnha</u> kita <u>suYes</u> Kristus kepada Tuhan dan pBaa kita

> Bapa Yesus Tuhan sentiasa segenap sesuatu

ucap bersoraklah Hello adik-adik,

Apa khabar? Pembacaan pada Hari Minggu ini masih lagi mengenai Roti Hidup.

Mengapa Injil menekankan beberapa kali mengenai Roti Hidup ini?

Pasti adik-adik menyedari bahawa setiap kali Yesus menyebut dan menerangkan bahawa Dia ialah Roti Hidup, masih ramai umat pada zaman itu yang tidak percaya dan tidak memahami.

Adik-adik, hanya dapat memahami kata-kata Yesus hanya apabila kita sungguh mahu mendengar dan menerima-Nya sebagai Sabda Tuhan. Inilah sebabnya mengapa perayaan Ekaristi atau Misa Kudus kita didahului dengan perayaan Sabda Tuhan.

Adik-adik, seperti yang

kita tahu, ada dua komuni: komuni Sabda dan komuni Roti.

Liturgi Sabda atau Komuni Sabda diadakan semasa pembacaan pertama kedua dan Injil diwartakan, diakhiri dengan Doa Umat.

diakhiri dengan Doa Umat.
Liturgi Komuni atau
Komuni Roti bermula semasa persembahan sehinggalah komuni yang didahului
doa Bapa Kami, pemecahan
roti dan umat beriman menerima Tubuh dan Darah
Kristus

Adik-adik, menerima tubuh Kristus bererti kita juga bersedia untuk menjadi "roti" dan "minuman" kepada orang lain iaitu sentiasa siap membantu, mendoakan dan menyokong khususnya mereka yang memerlukan.

> Salam Sayang Antie Melly



Lengkapkan gambar Yesus di atas dan jangan lupa mewarnakannya.



Perkataan yang bergaris pada gambar di sebelah

kanan mempunyai ejaan salah. Betulkan ejaan tersebut bagi membaca pesan Snto Paulus yang dipetik dari Efesus 5: 19-20.



Mereka yang menantikan Tuhan tidak akan menjadi penat

PLENTONG, Johor: "Mereka yang menanti-nantikan Tuhan akan berlari dan tidak menjadi penat" (Yesaya 40:31) merupakan tema Hari Belia Dewasa Bahasa Malaysia Kesukupan Melaka Johor.

Pada Julai 27, seramai 53 peserta, berusia 18 hingga 39 tahun, berhimpun di Pusat Majodi, Plentong untuk menjalani program yang dikenali sebagai Hari Belia Dewasa Bahasa Malaysia Keuskupan Melaka Johor.

Banyak aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program ini seperti pujian dan penyembahan, permainan, sesi bersama Fr Paul Sia, tanya jawab dan doa Taize.


Sesi yang disampaikan oleh Fr Paul ialah berkaitan dengan tema program tersebut.

Fr Paul membantu para peserta mencari jawaban bagi dua persoalan iaitu: 1) Apa yang saya cari dalam Hidup saya? 2) Apa yang akan saya lakukan?

Dan terdapat beberapa jawaban yang diberikan oleh peserta misalnya ingin mencari ketangan, kebahagiaan, peluang dan kepuasan dalam hidup.

Bagi soalan kedua pula, di antara jawapan yang diberikan ialah keseimbangan





Melalui program ini, penganjur menyedari belia memerlukan lebih banyak perkongsian tentang motivasi dan pengetahuan dalam ajaran agama Katolik.

Semasa sesi tanya jawab (Q&A), kebanyak isu membincangkan tentang belia, isu-isu global dan tempatan semasa dan motivasi diri.

Program ini diteruskan dengan doa Taize and diakhiri dengan sesi kesimpulan program yang disampaikan oleh Sdra Gerald Arnold Majuntin.

Gerald berkongsi tentang bagaimana

untuk terus teguh dalam pelayanan dan iman. Beliau juga berkongsi tentang matlamat dalam kehidupan seharian sebagai belia dewasa masa kini.

Gerald mengatakan, "Belia perlu mempunyai tiga matlamat dalam hidup iaitu kerjaya, kesihatan fizikal dan kesihatan jiwa. Tiga matlamat ini perlu ada dalam diri bagi memastikan keseimbangan dalam kehidupan harian Katolik. Sepanjang program ini, penganjur menerima maklum balas daripada peserta yang mahu program ini diadakan pada masa akan datang.



Mendengar Firman Tuhan, keputusan yang terbaik



MEDJUGORJE: Sempena Festival Belia Medjugorje ke-35, yang berlangsung dari Ogos 1-6, Sri Paus Fransiskus telah mengirim perutusannya kepada para peserta yang bertema, "Maria telah memilih hal yang terbaik."

Dalam perutusannya, Sri Paus menyatakan kegembiraannya kerana dapat berbicara kepada semua belia yang mengambil bahagian dalam perayaan itu.

Bapa Suci juga menawarkan beberapa cadangan ringkas yang bertujuan untuk pertumbuhan rohani dan komitmen belia kepada Gereja serta seluruh dunia.

Sri Paus berkongsi tentang "murid yang sejati" iaitu Maria yang merupakan saudara perempuan Marta dan Lazarus.

Yesus mengingatkan kita bahawa menjadi murid yang sejati ialah dengan mendengar Firman Tuhan.

Katanya, "Maria menyedari

bahawa Tuhan bukan sahaja memasuki rumahnya, tetapi Dia juga ingin memasuki hatinya. Maka, Maria duduk di kaki-Nya untuk mendengar-Nya, dan dengan sikap Maria itu, dia telah memilih bahagian yang lebih baik yang 'tidak akan diambil daripadanya'."

Dalam perutusannya juga, Sri Paus memberikan seorang lagi model iman iaitu Maria dari Nazareth.

"Maria menerima Tuhan memasuki rumahnya dan bercakap dengan-Nya. Maria menyambut Firman Tuhan ke dalam hatinya, mengambil bahagian dalam rancangan-Nya dan menawarkan diri sepenuhnya sebagai 'bejana' Tuhan untuk hadir ke dunia.

Maria dari Nazareth turut hadir di kayu salib ketika Yesus menebus dunia dan mengikuti para rasul pada hari Pentakosta ketika Gereja dilahirkan. Dengan merangkul Firman Tuhan, Perawan Maria dengan setia

memenuhi misinya, memilih bahagian yang lebih baik iaitu Tuhan Yesus.

Kepada para peserta Festival Belia Medjugorje, Sri Paus berkata, "Demikian juga kamu, rakan-rakan muda yang dikasihi, kamu dipanggil untuk menjadi murid Kristus yang sejati!"

Bapa Suci mengajak orangorang muda yang hadir untuk tinggal di hadapan Guru untuk merenungkan Firman Tuhan, meminta mereka membenarkan Roh Kudus menerangi fikiran dan hati mereka untuk menemui dan bekerjasama dalam rancangan yang telah disediakan oleh Bapa untuk setiap mereka."

"Oleh sebab itu, saya menyeru anda semua untuk sentiasa membaca Kitab Suci khususnya Injil dan menghayatinya kerana sabda Tuhan berfungsi sebagai kompas yang menunjukkan jalan yang harus kita ikuti," kata Bapa Suci Fransiskus. — *media Vatikan*

Bapa Suci meraikan 'Miracle of the Snow' di Basilika Sta Maria Major

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus menyertai perayaan tahunan "Miracle of the Snow" di Roma, keajaiban Santa Perawan Maria pada abad keempat yang memberi inspirasi kepada pembinaan Basilika Sta Maria Major.

Basilika Sta Maria Major merupakan basilika kepausan terletak di Roma, didedikasikan untuk Bonda Tuhan.

Sempena perayaan yang juga dikenali sebagai "Dedikasi Basilika Sta Maria Major", Kardinal Stanisław Ryłko memimpin Misa pagi di basilika, yang diikuti dengan pancuran kelopak mawar putih dari siling yang mengimbas kembali keajaiban yang dijanjikan oleh Bonda Maria.

Sri Paus Fransiskus juga mengambil bahagian dengan menghadiri ibadat senja, yang diadakan sebelum perayaan Ekaristi malam yang dipimpin oleh Uskup Agung Emilio Nappa, presiden Persatuan Misi Kepausan.

Menurut tradisi, Santa Perawan Maria telah menampakkan diri kepada Yohanes, seorang bangsawan Roma, serta Sri Paus Liberius dalam mimpi pada malam yang sama, menyatakan hasratnya agar sebuah gereja dibina di tapak di mana mereka akan menemui salji.

Keesokan harinya, pada Ogos 5, salji ditemui di puncak Bukit Esquiline dan Sri Paus Liberius segera memerintahkan pembinaan Gereja pertama yang didedikasikan untuk Santa Perawan Maria untuk negara-negara Barat.

Selama hampir dua milenium, pelawat dari seluruh dunia telah datang ke basilika yang didedikasikan untuk Bonda Tuhan sebagai penziarah atau sebagai pelancong.

Bonda Maria Ratu Salji ialah



yang pertama daripada banyak tradisi Maria kuno yang berkaitan dengan Sta Maria Major, yang merupakan salah satu Gereja tertua di Roma.

Selain perayaan pada Ogos 5,

ikon Salus Populi Romani (Bonda Maria Pelindung orang-orang Roma) yang dipercayai telah dilukis oleh Sto Lukas Penginjil, juga

terletak dalam baslika Sta Maria

Major. Ia amat terkenal di kalangan

pelawat Katolik.

"Apa yang benar dan berlaku 1,700 tahun yang lalu masih benar hari ini iaitu kepentingan Perawan Maria yang Terberkati dalam sejarah Gereja dan dalam keselamatan — kerana apabila ada kesusahan, ketika ada ujian, bencana, masalah besar, semua doa ini diangkat kepada Maria, meminta bantuannya — perkara yang masih dilakukan oleh umat beriman hari ini," kata Fr Immacolato M. Acquali, Pemimpin Umum Fransiskan Friars of the Immaculate.

Sta Maria Major, yang dianggap sebagai relik Maria dan tempat ziarah yang dipilih oleh Bonda Tuhan sendiri, akan menjadi salah satu daripada empat basilika kepausan di mana Pintu Suci akan dibuka oleh Sri Paus Fransiskus pada Januari 1, Tahun Jubli 2025 akan datang. — media Vatikan

Ekaristi dibawa berarak di laluan air

BATON ROUGE, Louisiana: Yesus dalam Sakramen Mahakudus dibawa berarak di Sungai Mississippi pada bulan Ogos ini untuk perarakan Ekaristi.

Perarakan bot tunda dan bot wap dilancarkan di Baton Rouge, Louisiana, pada Ogos 14 lalu.

Perarakan sejauh 130 batu, yang dikenali sebagai *Fête-Dieu du* Mississippi, telah mendapat perhatian daripada pegawai negeri dan tempatan yang mengalualukan acara itu.

Acara itu ialah gabungan Kebangkitan Ekaristi Kebangsaan dengan tradisi tempatan oleh Komuniti religius Yesus Salib

Perarakan sungai bersejarah itu dirancang sempena Kebangkitan Ekaristi Kebangsaan selama tiga tahun yang berlangsung di Amerika Syarikat dan bertujuan sebagai susulan Kongres Ekaristi Kebangsaan baru-baru ini yang diadakan di Indianapolis pada Julai lalu.



Sakramen Mahakudus dibawa berarak di sungai, sebuah acara tahunan yang dianjurkan oleh Community of Jesus Crucified.

"Sejak tiga tahun lalu, Gereja Katolik di Amerika Syarikat telah mengalami Kebangkitan Ekaristi," kata paderi dan penceramah terkenal Baton Rouge, Fr Josh Johnson dalam satu kenyataan kepada *CNA*.

"Para uskup kini menghantar semua umat Katolik dalam misi untuk berkongsi Ekaristi kita dengan semua orang di seluruh kawasan kejiranan kita, di lebuh raya dan juga di atas air!"

Perarakan atas air ini mem-

bawa salib setinggi 17 kaki yang dibuat khas. Sebuah lagi kapal air yang membawa loceng bersejarah yang berkumandang bagi mengumumkan kedatangan Sakramen Mahakudus, manakala sebuah bot membawa monstrans setinggi 14 kaki.

Yesus dalam Ekaristi juga akan dibawa berarak di sepanjang Sungai Mississippi, memberkati negeri Louisiana dan sungai itu sendiri. — *CNA*

Di Chicago, umat Katolik China bincang pelbagai cabaran

CHICAGO, Illinois: Sebuah persidangan di Chicago membincangkan mengenai kehidupan Gereja Katolik di China pada Ogos 2-4 lalu.

Perbincangan itu merangkumi kesukaran dan kekuatan menjadi sebuah Gereja di bawah kerajaan komunis yang dikawal ketat.

Persidangan yang dianjurkan oleh Persatuan Katolik AS-China yang berpangkalan di Berkeley, California turut menampilkan pembentangan empat orang paderi yang berdaftar dengan Persatuan Patriotik Katolik kerajaan China.

Uskup Paul Junmin Pei (gambar) dari Liaoning, China, menekankan keperluan untuk menangani budaya yang mirip dengan dunia Barat, kemerosotan panggilan paderi dan keperluan untuk orang awam untuk

memikul tugas penginjilan.

Prelatus yang menjalani pembentukannya di Amerika berkata, sekularisasi ialah salah satu sebab utama kurangnya panggilan di China, satu trend yang bermula pada awal 2000-an.

Negara komunis itu telah lama berusaha un-

telah lama berusaha u tuk menghalang pengaruh luar

Di bawah kepausan Sri Paus Fransiskus, Vatikan telah menumpukan pada menjalin hubungan diplomatik dengan China yang terputus pada 1951 sejurus selepas kemenangan komunis dalam perang saudara China.

Namun begitu, meskipun telah memasuki perjanjian diplomatik penggal kedua, masih berlaku pentahbisan uskup tanpa persetujuan Sri Paus di China. — *CNA*

Pempengaruh Katolik harus kongsi Berita Sukacita bukan mengejar "likes"

KOTA LIPA, Filipina: Dalam dunia yang penuh dengan maklumat salah dan "berita palsu", seorang uskup Katolik menekankan bahawa pengaruh sebenar Gereja terletak pada perkongsian kebenaran belas kasihan, belas kasihan dan kebaikan Tuhan.

Uskup Jose Rapadas dari Iligan memberitahu komunikator Katolik bahawa dengan menjelmakan kebajikan ini dalam pelayanan mereka, mereka menjadikan kerajaan Tuhan disedari dan dihargai di dunia.

"Untuk menjadi pempengaruh yang berkesan dan benar untuk Gereja... kita perlu menyaksikan belas kasihan dan belas kasihan Tuhan," kata Uskup Jose Rapadas. Kerajaan Tuhan akan dihargai oleh dunia melalui aksi dan tindakan kebaikan hati kita apabila mereka menyaksikannya," tegasnya sambil menambah, "Itu ialah tugas penting dalam komunikasi

sosial kita."
Uskup Jose membuat kenyataan itu dalam homilinya semasa Misa pada hari kedua Konvensyen Komunikasi Sosial Katolik Kebangsaan di Kota Lipa, Filipina.

Lebih 300 ahli komiti komunikasi sosial dan sukarelawan berkumpul untuk acara itu, yang berlangsung sehingga Ogos 8 itu.

Prelatus itu menjelaskan bahawa komiti atau pelayanan ko-

munikasi sosial bukanlah tentang mendapatkan lebih banyak "like" dan pengikut tetapi tentang berkongsi kebenaran serta nilai yang mencerminkan kasih Tuhan.

"Kita dipanggil untuk berani berkongsi kisah perjumpaan kita dengan Yesus dan memberi kesaksian tentang kuasa transformasi-Nya dalam hidup kita," kata Uskup Jose. "Memberi kesaksian itu menarik," tambahnya. Konvensyen empat hari yang dianjurkan oleh Komisi Episkopal para uskup Katolik Filipina mengenai Komunikasi Sosial (ECSC), termasuk perbincangan mengenai peranan kecerdasan buatan (AI) dalam penginjilan digital.



Misa Kudus pembukaan Konvensyen Komunikasi Sosial Katolik Kebangsaan di Kota Lipa, Filipina, Ogos 2024. Gambar: LiCAS News)

Uskup Roberto Gaa dari Novaliches, yang memimpin Misa, menyatakan bahawa walaupun AI ialah alat yang berkuasa yang boleh memudahkan komunikasi, ia tidak mempunyai kebijaksanaan manusia yang diperlukan untuk mempromosikan

kebaikan bersama.

Mengulangi pesan Sri Paus Fransiskus untuk Hari Komunikasi Sosial Sedunia tahun ini, beliau menekankan bahawa AI tidak boleh menggantikan kebijaksanaan hati manusia. — LiCAS News AUDIENSI UMUM HARI RABU BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Tidak ada yang mustahil bagi Tuhan

VATIKAN: Setelah sebulan menangguhkan Audiensi Umum setiap hari Rabu sempena cuti musim panas, Sri Paus Fransikus kembali ke Dewan Paul VI dan menyambung semula siri katekesisnya tentang karya Roh Kudus.

Setelah menamatkan katekesisnya mengenai karya Roh Kudus dalam Penciptaan, Sri Paus Fransiskus beralih ke Perjanjian Baru untuk membicarakan peranan Roh Kudus dalam Penebusan yang dimenangi oleh Yesus Kristus.

Sempena Audiensi Umum pada Ogos 7 itu, Bapa Suci mengambil tema, "Roh dan Pengantin Perempuan: Roh Kudus Membimbing Umat Tuhan menuju Yesus Harapan Kita."

Bapa Suci menggalakkan hadirin untuk meniru iman Maria, yang mendengar Tuhan dan menjemput Roh Kudus ke dalam hidupnya.

"Bagaimana mungkin untuk mengisytiharkan Yesus Kristus dan keselamatannya kepada dunia yang nampaknya hanya mencari kesejahteraan di dunia ini?" soal Bapa Suci.

"Bagi Tuhan tiada yang mustahil.Jika kita percaya ini, kita akan melakukan keajaiban."

Sri Paus Fransiskus menerangkan bahawa inkarnasi Yesus Kristus adalah fakta sejarah yang penting dalam kepercayaan Katolik.

Prelatus itu menambah bahawa Syahadat para Rasul yang dibacakan semasa Misa, juga merupakan "fakta iman eku-



Sri Paus Fransiskus beramah mesra dengan para penziarah yang menghadiri Audiensi Umum Hari Rabu pada Ogos 7, 2024. Gambar: Media Vatikan.

menikal" kerana semua orang Kristian berkongsi kepercayaan yang sama tentang ketuhanan dan kemanusiaan Yesus Kristus.

"Dalam Konsili Ekumenikal Konstantinopel, pada tahun 381 — yang mentakrifkan ketuhanan Roh Kudus — artikel ini mengesahkan bahawa Anak Tuhan telah diinkarnasi daripada Roh Kudus dan Perawan Maria, dan dijadikan manusia," jelas Sri Paus.

Sri Paus Fransiskus mengakhiri katekesisnya dengan menyampaikan renungan tentang pertanyaan Maria semasa malaikat Gabriel mengumumkan Berita Gembira, "Bagaimana ini mungkin terjadi?" Gereja menanyakan soalan yang sama, untuk kita, "Bagaimana mungkin untuk mengumumkan Yesus Kristus dan keselamatan-Nya kepada dunia yang nampaknya hanya mencari kesejahteraan di dunia ini?"

Jawapannya, dari dahulu dan sekarang, adalah sama, seperti yang terdapat dalam Kisah Para Rasul, "Kamu akan menerima kuasa dari Roh Kudus".

Bapa Suci menegaskan, "Tanpa Roh Kudus, Gereja tidak dapat maju, Gereja tidak dapat berkembang, Gereja tidak dapat berkhutbah." — *CNA/media Vatikan*


Sembilan motivasi untuk wanita hamil

Kehamilan seharusnya menjadi masa yang indah dan mengujakan dalam kehidupan seorang wanita.

Walau bagaimanapun, ia juga boleh menjadi salah satu tekanan yang besar dan diselubungi dengan pelbagai ketakutan, kebimbangan kelahiran; tidak tahu apa yang perlu dilakukan untuk bayi dan tertanya-tanya sama ada tubuh anda akan mengalami perubahan atau tidak.

Bagi membantu mengurangkan ketakutan anda semasa tempoh ketidakpastian yang besar ini, mari kita baca kata-kata bijak daripada pendidik, *doula* (pakar dalam membantu kelahiran bayi), penulis dan petikan Kitab Suci untuk mendapatkan inspirasi dan kekuatan.

- ₩ Bayi adalah buah fikiran Tuhan bahawa hidup ini indah dan harus diteruskan Carl Sandburg, penyair dan journalis
- ## Jika aku mempunyai kuasa untuk kembali, aku mahu kembali merasai hamil sembilan bulan, dan aku akan menghargai setiap detik itu dan menyedari bahawa janin yang membesar dalam rahimku adalah satu-satunya peluang dalam hidup untuk membantu Tuhan menyatakan mukjizatnya. Emma Bombeeck, penulis dan humoris
- ₩ Untuk mendapat anak ini, aku berdoa dan Tuhan telah memberikan kepadaku



- ₩ Melahirkan anak seharusnya menjadi pencapaian terhebat anda, bukan keta-kutan. Jane Weideman, Doula
- **Sebelum engkau dikandung, aku amat merindui mu. Sebelum engkau dilahirkan, aku amat menyayangi mu. Sebelum engkau tiba di dunia, aku rela mati bagi mu. Inilah keajaiban kasih Ibu. Maureen Hawkins, ilustrator
- **Kami mempunyai rahsia dalam budaya kami iaitu: Wanita yang melahirkan bayi itu adalah yang terkuat dan gagah!

 Laura Stavoe Harm, pendidik, penulis dan Chaplaincy Student
- **#** Bayi yang baru dilahirkan seperti permulaan akan segala sesuatu ketakjuban, keajaiban, harapan dan impian. Eda Leshan, penulis dan pengacara TV
- ₩ Tiga perkara anugerah syurga yang akan kekal bersama kita: Bintang, bunga dan kanak-kanak — Dante Alighieri, penyair dan penulis
- ₩ Setiap bayi yang lahir ke dunia ialah buah fikiran Tuhan, yang menjelmakan pelbagai kemungkinan dan harapan hebat. Kate Douglas Wiggin, pendidik dan novelis

— sumber Aleteia

PENULIS BERKICAU

Kutu buku

66 Kutu buku" masihkah kita mengingati kiasan ini? Kutu buku biasanya merujuk kepada individu yang suka menelaah atau membaca buku.

Baru-baru ini, dalam pertemuan pembimbing sekolah minggu di salah sebuah paroki, antara masalah yang dihadapi oleh mereka ialah murid (Tahun 1 hingga 3) Sekolah Minggu tidak mahir membaca.

Ini menyebabkan pembelajaran Siri Kateketikal Malaysia agak lambat dan menyebabkan guruguru Sekolah Minggu melakukan kerja lebih masa iaitu mengajar anak-anak itu membaca dan menulis (yang seharusnya tanggungjawab ibu bapa).

Boleh difahami jika anak-anak itu merupakan anak-anak kaum pelarian yang tidak mempunyai akses kemudahan pendidikan kerana ketiadaan dokumen atau pusat pembelajaran sekolah migran yang jauh. Tetapi ini juga berlaku di kalangan anak-anak tempatan sendiri.

Apakah tugas mengajar asas kemahiran 3M (Menulis, membaca dan mengira) diserahkan bulat-bulat kepada guru sekolah?

Dalam perbualan saya dengan seorang paderi sempena Hari Komunikasi Sedunia tahun lalu, beliau mahu berhenti melanggan Mingguan Katolik *HERALD* dengan alasan "umat tidak membaca". Satu lagi alasan yang dikatakannya ialah, "Artikel boleh dibaca dalam talian".

Dengan mengatakan "umat tidak membaca" ia mungkin menggambarkan sama ada umat tidak ambil peduli akan berita-berita Katolik atau umat memang malas menambah pengetahuan sehingga membaca artikel rohani menjadi satu beban?

Baru-baru ini Sri Paus Fransiskus menulis kepada bakal-bakal paderi tentang tabiat membaca. Pada Ogos 4 lalu, beliau mengatakan membaca buku yang baik membuka minda, merangsang hati, dan menyediakan kita pelbagai cara untuk meneruskan hidup.

Meskipun surat itu ditujukan kepada para seminarian tetapi ia sangat berkaitan dengan kita sebagai rasul-rasul awam

Sri Paus Fransiskus yang memang sangat suka membaca dari masa mudanya mengakui bahawa ramai seminarian yang obsesi terhadap 'layar' dan dengan berita palsu yang toksik, cetek dan ganas daripada membaca dan membincangkan buku, baharu atau lama.

Bapa Suci juga menegur, jangan sentiasa menggunakan alasan 'sibuk' atau 'tidak ada masa' untuk membaca bahan-bahan ilmiah.

Menurut Sri Paus Fransiskus, sikap itu adalah tidak sihat dan boleh membawa kepada kemiskinan intelektual serta rohani yang serius bagi paderi masa hadapan.

Dari sudut pandangan praktikal, ramai saintis berpendapat bahawa tabiat membaca membawa banyak kesan positif ke atas kehidupan manusia, membantu manusia memperoleh perbendaharaan kata yang lebih luas dan dengan itu mengembangkan kebolehan intelek yang lebih mahir.

Bagaimanakah kita dapat merangsang imaginasi dan kreativiti kita? Terlebih dahulu, tanamkanlah minat membaca.

Mungkin buku pertama yang patut kita baca setiap hari ialah Alkitab, diikuti dengan Katekismus Gereja Katolik, Ajaran-ajaran Sosial Gereja ...adakah buku-buku ini membosankan? Tidak. Sebaliknya ia mengurangkan tekanan dan menambah hikmat pengetahuan!

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Mingguan Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.



PERMOHONAN DOA SRI PAUS (OGOS)

UNTUK PEMIMPIN POLITIK: Marilah kita berdoa agar pemimpin politik berkhidmat untuk rakyat mereka sendiri, bekerja untuk pembangunan insan dan kebaikan bersama, menjaga mereka yang kehilangan pekerjaan dan memberi keutamaan kepada golongan miskin.

Ogos 18, 2024

Misa khusus Hari Orang Asli di Port Dickson

Mingguan Katolik

PORT DICKSON, N.Sembilan: Paroki *Immaculate Conception* telah mengadakan Misa Kudus khas sempena Hari Orang Asli pada Ogos 4 lalu. Dalam semangat keunikan

Dalam semangat keunikan dan tradisi, komuniti Orang Asli mengambil inisiatif untuk menghias Gereja dengan hasil tangan mereka sendiri.

Mereka memotong dan menganyam daun nipah untuk menghias sekitar altar, memberikan suasana yang indah dan semula jadi.

Pada hari istimewa itu, sebanyak lima buah keluarga, menghadiri Misa dengan berpakaian yang dihias dengan daun nipah yang dianyam sendiri menambahkan lagi kemeriahan dan kesucian suasana Misa.

Dua Orang Asli juga diutus sebagai pelayan Komuni Suci selepas liturgi Sabda. Mereka adalah di antara sebelas pelayanpelayan baharu yang diutus bagi penggal baharu.

Semasa ritus persembahan, kaum Orang Asli, mempersembahkan hiasan dan buah-buahan hasil pertanian mereka sebagai tanda kesyukuran terhadap pemberian Tuhan. Selepas pengumuman Gereja, video singkat ditayangkan mengenai "Hari Orang Asal Sedunia" yang disambut pada Ogos 9, setiap tahun.

Ogos 9, setiap tahun.
Tujuan merayakan Hari Orang
Asal sedunia ialah merayakan
kebudayaan dan kehidupan
Orang Asal serta mengenal hak,
keperluan dan cabaran yang
mereka hadapi.

Salah seorang Orang Asli yang menghadiri Misa Kudus ini meluahkan rasa syukur kerana dapat merayakan perayaan Ekaristi, berkumpul bersama ramai umat dari pelbagai kaum.



Beliau yang juga terlibat dalam persiapan Misa Kudus khas ini, mengatakan perayaan khusus Misa Sambutan Orang Asli membolehkan komuniti Orang Asli lebih mengenal Tuhan dan menimba ilmu terutamanya mengenai perjalanan tatacara Misa Kudus.

Misa Kudus ini diakhiri den-

gan pemberkatan oleh Kardinal Sebastian Francis.

Selepas Misa, acara diteruskan dengan sesi memotong kek sempena ulang tahun kepaderian ke-31 Fr Edwin Peter.

Semoga acara seperti ini terus diadakan untuk memperkukuhkan ikatan komuniti dan iman kita semua.

Rev Nalerin Erone, paderi baharu Yesuit



KOTA KINABALU: Sukacita berganda bagi Keuskupan Agung Kota Kinabalu dan Kongregasi Persatuan Yesus (Yesuit) kerana seorang pemuda tempatan telah ditahbis sebagai paderi pada Julai 31, lalu.

Sempena Pesta St Ignatius Loyola, pendiri Yesuit, Fr Nalerin Erone bin Nahfirin ditahbis di Katedral Sacred Heart oleh Uskup Agung John Wong.

Turut membantu Uskup Agung John di altar ialah Fr Francis Lim SJ, Pemimpin Umum Yesuit Serantau bagi Malaysia dan Singapura, para paderi Yesuit dari Malaysia dan Singapura serta para paderi keuskupan.

Dalam homilinya, Uskup Agung John mengingatkan imam yang baru ditahbiskan tentang tugasnya untuk melayani Kristus sebagai Guru, Imam, dan Gembala, membantu membina dan mengembangkan Gereja menjadi umat Tuhan, sebuah bait suci.

Mengimbas kisah panggilan-

nya, Fr Nalerin berkongsi, "Saya menyedari bahawa panggilan saya bukan sahaja bermula di Keuskupan Agung ini tetapi di paroki ini. Saya dilahirkan, dibaptis dan dibesarkan di paroki ini.

Pengalaman 30 Hari Latihan Rohani merupakan permulaan saya menyahut panggilan saya sebagai paderi.

Hasil daripada latihan itu bukan sahaja mendorong dan memperbaharui cara hidup saya sebagai Yesuit tetapi ia juga merupakan penguat semangat saya ketika saya menghadapi masalah visa yang menyebabkan saya tidak dapat kembali buat seketika ke novisiat.

"Sesungguhnya 12 tahun saya menyertai Yesuit, adalah perjalanan yang panjang tetapi sangat berbalai

Keinginan saya untuk menjadi paderi bukan kerana mahu memakai stola atau dapat memimpin Misa tetapi kerana sangat menyedari bahawa saya dicintai oleh Tuhan dan saya adalah anak Tuhan!

Seperti juga yang difahami oleh Yesuit bahawa pentahbisan bukanlah permulaan perjalanan, bukan juga pengakhiran pembentukan, tetapi perjalanan berterusan bersama Tuhan yang bangkit."

Pada Ogos 1, Fr Nalerin merayakan Misa pertamanya di Gereja Holy Nativity, Terawi dan di Gereja kampung kelahiran ibunya iaitu Gereja St Patrick Kinuta pada Ogos 6.

Dilahirkan di Kota Kinabalu 37 tahun lalu, Fr Nalerin menyertai Yesuit pada Jun 22, 2012 dan ditahbis sebagai diakon pada Februari 4, di Madrid, Sepanyol.

Pada bulan Mei tahun itu, beliau menamatkan pembentukan teologinya di *Universidad Pontificia* Comillas di Madrid, di mana beliau kini sedang menyambung pengajian Ijazah Teologi Suci (Kerohanian).

Fr Nalerin akan kembali ke Madrid dalam masa dua bulan ini untuk menyambung pengajiannya.

Caritas MJD terajui projek pemulihan bakau

JOHOR BAHRU: Uskup Bernard Paul menyertai Program Pemuliharaan Ekosistem Hutan Bakau, yang merupakan aktiviti Caritas Keuskupan Melaka Johor (MJD) dan dianjurkan oleh Komisi Keadilan Ciptaan MJD.

Tapak penanaman bakau tersebut berada di Hutan Simpan Sungai Pulai, Pontian.

Para peserta yang terdiri daripada umat dari pelbagai paroki, bersama 13 orang kakitangan Pusat MAJODI, menaiki bas dari Gereja Immaculate Conception.

Kedatangan mereka disambut oleh beberapa kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Uskup Bernard tidak kekok bergelumang dengan lumpur bagi menjayakan penanaman 450 anak pokok bakau—yang mana 250 anak pokok telah ditaja oleh Keuskupan Melaka Johor.

The Malaysian Nature Society of Johor yang bekerja rapat with Jabatan Perhutanan Negeri Johor turut berada di tapak penanaman bagi menyokong acara dan berkongsi pengalaman serta pengetahuan mereka.

Bakau adalah penting kepada sistem ekologi Malaysia. Bakau melindungi kampung berhampiran pantai dan tebing sungai daripada risiko alam sekitar seperti banjir dan tsunami.

Pokok bakau mempunyai akar tumpat yang membantu dan membina tanah serta menyediakan habitat kritikal untuk pelbagai flora marin dan daratan dan fauna.

Josephine Oracoy dari Gereja St Simon, Labis menegaskan keperluan untuk menanam lebih banyak pokok untuk memerangi peningkatan suhu.

Anna Tay, Pengasas dan Presiden Persatuan Sokongan Kanser *I-CARE* JB dan merupakan umat paroki Katedral Hati Kudus Yesus, Johor Bahru, menyertai rombongan



itu kerana minatnya dalam pemeliharaan alam sekitar.

Para peserta juga menaiki bot singkat dari Terminal Feri Antarabangsa Kukup untuk ke Taman Negara Pulau Kukup, sebuah pulau unik seluas 647 hektar.

Ia merupakan kawasan perlindungan yang penting untuk tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang dikaitkan dengan bakau dan beberapa spesies yang dianggap jarang atau terancam.

antai dan tebing sungai daripada siko alam sekitar seperti banjir dan unami.

Para peserta juga dibawa ke Uncle Tan Orchard and Stingless Bee Farm. Di sini, para peserta mencuba buah-buahan organik dan mengunan minuman min

Pemilik ladang, Jackie Tan menerangkan peranan lebah sebagai agen pendebungaan.

Mereka agak teruja melihat lebah dari dekat dan merasai madu yang kaya dengan propolis. Terdapat banyak produk yang tersedia untuk dijual seperti madu untuk dimakan, sabun dan pelembap bibir.

Para peserta kembali ke tempat masing-masing dengan pelbagai memori dan pengalaman menarik menanam bakau.